



كردا دارالامان
KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795
Laman Web : pkpk.kedah.gov.my
E-mel : pkpk@kedah.gov.my



Ruj. Kami : Bil ~~44~~ P.Kw.N(K) 1668 Jld 3
Tarikh : ~~21~~ Rabiulakhir 1447H
~~13~~ Oktober 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Dato' Seri/ SS Dato' Paduka/ YAA Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

GARIS PANDUAN PERAKAUNAN ASET (HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN YANG DIBELI MENGGUNAKAN PERUNTUKAN/ DANA KERAJAAN NEGERI)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah **mengeluarkan Garis Panduan Perakaunan Aset (Hartanah, Loji Dan Peralatan Yang Dibeli Menggunakan Peruntukan/ Dana Kerajaan Negeri)**. Garis panduan ini memberi penerangan berkaitan Perakaunan Akruan terutama bagi Pengurusan Aset yang melibatkan Hartanah, Loji dan Peralatan.
- Sehubungan dengan itu, pihak YB Dato' Seri/ SS Dato' Paduka/ YAA Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan hendaklah menggunakan garis panduan ini secara menyeluruh dan mestilah dipatuhi sepenuhnya bagi memastikan Pengurusan Perakaunan Akruan (Aset) Negeri Kedah adalah yang terbaik.
- Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan garis panduan ini, pihak YB Dato' Seri/ SS Dato' Paduka/ YAA Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Bahagian Aset Negeri, Puan Nadziatul Shazwani binti Dato' Wira Haji Nor Aman di talian 04-703 7726, Puan Umi Umairah binti Ahmad Supi di talian 04-702 7758/ 7749, Unit Akruan iaitu Puan Najwa binti Amir Hamzah di talian 04-702 7735 dan Puan Siti Munirah binti Hashim 04 702 7847.

Ruj. Kami : Bil (~~44~~) P.Kw.N(K) 1668 Jld 3
Tarikh : **13** Oktober 2025

5. Kerjasama dan perhatian YB Dato' Seri/ SS Dato' Paduka/ YAA Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"

"THE GREATER KEDAH"

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' WIRA HAJI SYED KHAIROL ANUAR BIN SYED ABIDIN,
DGWK., DSDK., SDK., AMK., BCK., ASK.)**

Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman.

☎04-702 7757/7758/7759 : pkpk_perolehanaset@kedah.gov.my

SENARAI EDARAN

1. Yang Berhormat
Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
Kedah Darul Aman
2. Yang Berbahagia Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka
Pengelola Bijaya DiRaja
Pejabat Kebawah D.Y.M.M. Tuanku Sultan Kedah Darul Aman
Aras 1, Blok A,
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
Kedah Darul Aman
3. Sohibus Samahah
Dato' Paduka Mufti Negeri Kedah
Jabatan Mufti Negeri Kedah
Aras 3, Bangunan Mahkamah Syariah,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,
05550 Alor Setar
Kedah Darul Aman
4. Yang Amat Arif
Dato' Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah
Aras 2, Bangunan Mahkamah Syariah,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,
06550 Alor Setar
Kedah Darul Aman
5. Yang Berbahagia Dato'
Pengarah Tanah dan Galian Negeri
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah
Kedah Darul Aman
Wisma Negeri
05576 Alor Setar
Kedah Darul Aman

6. Yang Berbahagia Dato'
Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri
Kedah Darul Aman
Bangunan Wan Mat Saman
05676 Alor Setar
Kedah Darul Aman
7. Yang Berbahagia Dato'
Pegawai Daerah Kota Setar
Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar
Kompleks Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar,
Persiaran Jubli Emas,
Jalan Suka Menanti,
05150 Alor Setar
Kedah Darul Aman
8. Pegawai Daerah Kuala Muda
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Muda
08000 Sungai Petani
Kedah Darul Aman
9. Pegawai Daerah Kulim
Pejabat Daerah dan Tanah Kulim
09000 Kulim
Kedah Darul Aman
10. Pegawai Daerah Langkawi
Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi
07000 Kuah, Langkawi
Kedah Darul Aman
11. Yang Berbahagia Dato'
Pegawai Daerah Kubang Pasu
Pejabat Daerah dan Tanah Kubang Pasu
06000 Jitra
Kedah Darul Aman
12. Pegawai Daerah Baling
Pejabat Daerah dan Tanah Baling
09100 Baling
Kedah Darul Aman
13. Pegawai Daerah Padang Terap
Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap
06300 Kuala Nerang
Kedah Darul Aman

14. Pegawai Daerah dan Tanah Sik
Pejabat Daerah dan Tanah Sik
08200 Sik
Kedah Darul Aman
15. Pegawai Daerah Yan
Pejabat Daerah dan Tanah Yan
06910 Yan
Kedah Darul Aman
16. Pegawai Daerah Bandar Baharu
Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu
09800 Serdang
Kedah Darul Aman
17. Pegawai Daerah Pendang
Pejabat Daerah dan Tanah Pendang
06720 Pendang
Kedah Darul Aman
18. Pegawai Daerah Pokok Sena
Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena
06400 Pokok Sena
Kedah Darul Aman
19. Setiausaha
Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman
Aras 4, Blok E,
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
Kedah Darul Aman
20. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman
Aras 1, Blok E,
Wisma Darul Aman.
05503 Alor Setar
Kedah Darul Aman
21. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri
Kedah Darul Aman
Bangunan Sultan Abdul Halim
05500 Alor Setar
Kedah Darul Aman

22. Pengarah
PLANMalaysia@Kedah (Jabatan Perancang Bandar
dan Desa Negeri Kedah Darul Aman)
Tingkat 10, Bangunan Sultan Abdul Halim
05500 Alor Setar
Kedah Darul Aman
23. Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri
Kedah Darul Aman
Tingkat 7, Bangunan Sultan Abdul Halim
05500 Alor Setar
Kedah Darul Aman
24. Pengarah
Jabatan Pertanian Negeri Kedah Darul Aman
Telok Chengai
06600 Kuala Kedah
Kedah Darul Aman
25. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri
Kedah Darul Aman
Jalan Datuk Kumbar
05300 Alor Setar
Kedah Darul Aman
26. Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri
Kedah Darul Aman
Tingkat 8, Bangunan Sultan Abdul Halim
05300 Alor Setar
Kedah Darul Aman
27. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
Aras Bawah, Blok C, Wisma Persekutuan,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,
05550 Alor Setar
Kedah Darul Aman
28. Pengarah
Jabatan Pendakwaan Syariah
Negeri Kedah Darul Aman
Lebuhraya Sultanah Bahiyah
05150 Alor Setar
Kedah Darul Aman.

GARIS PANDUAN PERAKAUNAN ASET (HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN YANG DIBELI MENGGUNAKAN PERUNTUKAN/DANA KERAJAAN NEGERI)

1. PENGENALAN

Garis panduan ini bertujuan menjelaskan berkaitan tatacara pengurusan dan perakaunan bagi perbelanjaan **aset ketara** yang terdiri daripada Harta Modal, Aset Bernilai Rendah, Aset Yang Tidak Dimodalkan serta perbelanjaan berkaitan pembaikan Harta Modal, pembaikan bukan modal, pembaikan kecil dan penyelenggaraan aset.

2. DEFINISI ASET

2.1 Aset ialah sumber yang dikawal oleh entiti, hasil daripada peristiwa lampau dan memberi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti (MPSAS 17).

2.2 Aset Ketara adalah aset yang mempunyai kewujudan fizikal yang boleh disentuh atau dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau pembekalan barangan atau perkhidmatan, untuk disewakan kepada pihak lain, atau untuk kegunaan urusan pentadbiran dan dijangka akan digunakan bagi jangka masa yang melebihi daripada satu tempoh pelaporan.

2.3 Aset Ketara terdiri daripada:-

2.3.1 Aset Tak Alih


Bermaksud aset yang kekal dan tidak boleh dialih dari tempatnya. Secara terperinci adalah aset secara kekal/ tetap/ atau bersifat kekal/ tetap berada pada tempatnya, tidak boleh dialih atau sukar dialihkan atau usaha untuk pindahan hak milik/ membuka semula/ menanggal akan melibatkan keperluan keperluan kepakaran perundangan atau teknikal. Contoh Aset Tak Alih adalah tanah, infrastruktur seperti jalan raya, jambatan, sistem saliran, bangunan, sistem penghawa dingin (*centralised aircond*), kelengkapan dan perabot yang melekat di bangunan.

2.3.2 Aset Alih

Aset Alih bermaksud aset atau peralatan yang boleh dipindahkan atau dialihkan dari satu tempat ke tempat lain secara mudah termasuk Aset Alih yang dibekalkan bersekali dengan penyediaan bangunan atau infrastruktur lain (aset tidak melekat di bangunan). Contoh aset alih adalah perabot yang tidak melekat pada bangunan, kelengkapan pejabat, kenderaan, komputer, peralatan elektrik dan lain-lain.

3. KATEGORI ASET KETARA DAN KLASIFIKASI ASET

3.1 Secara umumnya aset ketara terbahagi kepada kelas dan kategori berikut;



3.2 Harta Modal

Aset ketara sama ada aset alih atau aset tak alih diklasifikasikan sebagai Harta Modal apabila;

- (a) dibeli bagi tujuan kegunaan pentadbiran dan operasi jabatan menggunakan peruntukan Vot Mengurus, Pembangunan atau Kumpulan Wang Amanah Kerajaan;
- (b) nilai perolehan RM2,000.00 dan ke atas bagi **setiap unit/ satu set pelengkap**.
- (c) memenuhi kriteria pengiktirafan Hartanah, Loji dan Peralatan seperti ditetapkan MPSAS 17 (Perkara 14) iaitu;
 - i. Terdapat kemungkinan bahawa **manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan*** yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir masuk ke dalam entiti; dan

- ii. Kos atau nilai saksama item tersebut boleh diukur dengan munasabah.

*** Maksud Manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan;**

- (a) Jabatan/PTJ menerima ganjaran atas pemilikan / penggunaan aset dalam bentuk;
 - (i) dapat menjana aliran tunai secara langsung atau tidak langsung
 - (ii) dapat diguna untuk menyedia perkhidmatan bagi mencapai objektif jabatan
- (b) Menanggung/terdapat risiko ke atas pemilikan seperti terpaksa menanggung kos pembaikan
- (c) Aset hendaklah di bawah kawalan jabatan;
 - (i) Pemilikan sah undang-undang
 - (ii) Diperoleh berdasarkan persetujuan/perjanjian yang sah di antara pihak pembekal dan jabatan
 - (iii) Disokong dengan bukti pemilikan (Perjanjian, Sijil Pendaftaran, Geran, Delivery Order (DO), Resit/ Invois atau dokumen lain yang setara.

3.3 Aset Bernilai Rendah

- (a) Aset Bernilai Rendah merupakan aset yang dibeli bagi kegunaan pentadbiran dan operasi jabatan dengan nilai perolehan **di bawah RM2,000.00 bagi setiap unit / satu set pelengkap**.
- (b) Sesuatu item direkodkan sebagai aset bernilai rendah sekiranya item yang dibeli tersebut digunakan untuk tempoh melebihi setahun, mempunyai daya ketahanan/ tahan lasak (*heavy duty*) atau boleh diselenggara atau dibaiki sekiranya berlaku kerosakan. Contoh: Peralatan pejabat seperti '*heavy duty puncher*', *split aircond*, alat pencetak, *trolley*, meja pegawai, kerusi *banquate*, kipas angin, meja *banquate* dan lain-lain.
- (c) Sekiranya sesuatu item yang dibeli bagi kegunaan pentadbiran dan operasi jabatan yang tidak mempunyai daya ketahanan/ tidak tahan lasak, mudah rosak, tidak boleh diselenggara atau dibaiki, item tersebut tidak direkodkan sebagai aset bernilai rendah sebaliknya ianya direkod di bawah bekalan pejabat. Contoh; peralatan kerja seperti *stapler*, kalkulator biasa, alas meja, bakul sampah dan lain-lain.

3.4 Aset Tidak Dipermodalkan

- (a) Aset yang dibeli bernilai **melebihi RM2,000.00** bagi **setiap unit/ satu set pelengkap** tetapi tidak direkodkan sebagai Harta Modal disebabkan tidak memenuhi kriteria pengiktirafan Harta Modal di bawah MPSAS 17 seperti di perkara 3.2 di atas;
- (b) Aset yang dibeli bernilai melebihi RM2,000.00 bagi **setiap unit/ satu set pelengkap** untuk tujuan disumbangkan kepada pihak ketiga. **Pihak ketiga adalah pihak-pihak lain, selain dari Jabatan/PTJ negeri.**

- (c) Aset yang dibeli bernilai **melebihi RM2,000.00** bagi **setiap unit/ satu set pelengkap** menggunakan dana Wang Amanah Awam.

3.5 Pembaikan Modal

- (a) Pembaikan modal bermaksud **pembaikan yang ketara dan penggantian bersifat pembaharuan/ penambahbaikan/ menaiktaraf** atau berlaku peningkatan nilai faedah/manfaat jangka panjang.
- (b) Pembaikan modal pada kebiasaanya melibatkan kos pembaikan yang besar, **meningkatkan nilai bawaan aset, meningkatkan usia guna/ jangka hayat** dan meningkatkan kapasiti pengeluaran/ potensi perkhidmatan.
- (c) Pembaikan modal direkodkan sebagai aset dalam rekod perakaunan dan disusut nilai berdasarkan polisi perakaunan yang berkuatkuasa.

3.6 Pembaikan Bukan Modal / Pembaikan Kecil / Penyelenggaraan

Pembaikan bukan modal, pembaikan kecil dan penyelenggaraan terdiri daripada berikut;

- (a) Pembaikan kerosakan bagi tujuan **mengembalikan dan mengekalkan** aset kepada keadaan sedia ada atau bagi membolehkan aset digunakan bagi tujuan operasi secara berterusan.
- (b) Perbelanjaan pembaikan yang tidak menambah jangka hayat, meningkatkan kapasiti atau nilai aset secara ketara. Pembaikan bukan modal ini dalam erti lain tidak akan meningkatkan nilai bawaan aset tetapi ianya memulihkan kerosakan dan membolehkan aset berfungsi seperti sedia kala.
- (c) Pembaikan yang tidak mengubah struktur asal atau menambah nilai harta dengan ketara biasanya melibatkan kos kecil atau sederhana.
- (d) Penyelenggaraan, penyelenggaraan berjadual, penyelenggaraan berulang dan pembaikan kecil bertujuan menjaga aset supaya berada dalam keadaan baik, tidak menambah usia guna atau meningkatkan kapasiti pengeluaran;
- (e) Penggantian komponen kecil aset atau penggantian kecil bahagian atau peralatan.
- (f) Perbelanjaan pembaikan bukan modal, pembaikan kecil dan penyelenggaraan direkodkan sebagai perbelanjaan dalam tahun semasa sepenuhnya.

4. KLASIFIKASI ASET DI BAWAH PERBELANJAAN MODAL (KOD AKAUN 'A') DAN BELANJA ASET (KOD AKAUN 'B').

4.1 Perbelanjaan Modal (KOD AKAUN 'A')

- (a) Perbelanjaan Modal merujuk kepada perbelanjaan yang dibuat bagi memperoleh, membina, menaik taraf aset dan pembaikan yang memanjangkan hayat atau meningkatkan nilai secara ketara ke atas Harta Modal. Perbelanjaan Modal dikenali dengan **kod akaun 'A'**. Kod A ini digunakan apabila perbelanjaan yang dilakukan memenuhi kriteria pengiktirafan harta modal seperti di perkara 3.2 dan perkara 3.5.
- (b) Nilai aset atau perbelanjaan modal yang dipegang oleh Jabatan/PTJ ditolak susut nilai terkumpul dilaporkan di dalam penyata kewangan berdasarkan usia guna mengikut polisi perakaunan yang berkuatkuasa.

4.2 Belanja Aset (KOD AKAUN 'B')

- (a) Perbelanjaan Aset di bawah **kod akaun 'B'** merupakan perbelanjaan bagi aset bernilai rendah dan aset bernilai melebihi RM2,000.00 yang tidak memenuhi kriteria pengiktirafan harta modal seperti di perkara 3.3, 3.4 dan 3.6.
- (b) Ianya dikenali dengan kod 'B' dan dilaporkan sepenuhnya sebagai perbelanjaan di dalam penyata kewangan pada tahun ianya dibeli.

5. PEROLEHAN ASET JABATAN

- 5.1 Aset dibeli menggunakan peruntukan jabatan yang diluluskan di bawah peruntukan **Vot Mengurus dan **Vot Pembangunan****.
- 5.2 Selain dari peruntukan **Vot Mengurus dan **Vot Pembangunan****, aset juga dibeli menggunakan Dana Amanah Kerajaan tertakluk kepada Surat Ikatan Amanah ataupun Akaun Amanah Awam yang tertakluk Arahan Amanah.
- 5.3 Perolehan aset **bagi kegunaan Jabatan/PTJ** yang menggunakan **Vot Mengurus, **Vot Pembangunan** dan dana Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**, diakaunkan sebagai Harta Modal (A) sekiranya aset yang dibeli bernilai RM2,000.00 bagi **setiap unit/ satu set pelengkap** dan ke atas serta memenuhi kriteria pengiktirafan perbelanjaan harta modal di bawah MPSAS 17.
- 5.4 Aset yang dibeli menggunakan **Vot Mengurus, **Vot Pembangunan** dan dana Kumpulan Wang Amanah Kerajaan** **bagi kegunaan Jabatan/PTJ** diakaunkan sebagai Aset Bernilai Rendah (B) sekiranya aset yang dibeli bernilai di bawah RM2,000.00 bagi **setiap unit/ satu set pelengkap**.
- 5.5 Aset yang dibeli oleh sesuatu Jabatan/PTJ dan kemudiannya akan dipindah ke **Jabatan/PTJ negeri** yang lain adalah tertakluk kepada perkara 5.3 dan perkara 5.4.

- 5.6 Aset yang dibeli menggunakan peruntukan jabatan bagi tujuan **disumbangkan kepada pihak ketiga** (tertakluk kepada kelulusan bajet/ punca kuasa) tanpa mengira nilai perolehan seunit diperakaunkan sebagai belanja (Kod Akaun B).
- 5.7 Perolehan aset menggunakan **kod Akaun Amanah Awam** diperakaunkan sebagai belanja (Kod Akaun B) **tanpa mengira nilai perolehan seunit**.
- 5.8 Pembaikan modal bagi aset harta modal yang merangkumi pembaikan yang ketara dan penggantian bersifat pembaharuan/ penambahbaikan/ menaiktaraf yang bernilai RM2,000.00 dan ke atas akan dipermodalkan (Kod Akaun A).

6. PENGKELASAN AKAUN ASET DI BAWAH HARTANAH LOJI, DAN PERALATAN

- 6.1 Perakaunan aset Hartanah, Loji dan Peralatan diklasifikasikan dan dilaporkan di dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah seperti berikut;

(i) Tanah dan pembaikan tanah
(ii) Bangunan dan pembaikan bangunan
(iii) Kemudahan dan pembaikan kemudahan (Infrastruktur – jalan raya, sistem pembentungan)
(iv) Kenderaan & Jentera dan pembaikan kenderaan & jentera
(v) Kelengkapan & Peralatan dan pembaikan kelengkapan & peralatan
(vi) Haiwan, pokok dan benih

7. KOD PERAKAUNAN BAGI ASET DAN PERBELANJAAN PEMBAIKAN & PENYELENGGARAAN.

- 7.1 Kod perakaunan bagi hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut;

Aset	Harta Modal / (A)	Aset Bernilai Rendah / Aset Tidak Dimodal (B)	Aset Disumbang Kepada Pihak Ketiga (B)
Tanah	A1431100	B0331100	B0331333
Bangunan	A1432100	B0332100	B0332333
Kemudahan & Infrastruktur	A1433100	B0333100	B0333333
Kenderaan & Jentera	A1434100	B0334100	B0334333
Kelengkapan & Peralatan	A1435100	B0335100	B0335333
Haiwan, Pokok & Benih	A1436100	B0336100	B0336333

*kod terperinci berdasarkan Carta Akaun (COA) iSPEKS adalah seperti di **Lampiran**

7.2 Kod perakaunan bagi **Pembaikan Bukan Modal/ Pembaikan Kecil/ Penyelenggaraan** dan penyelenggaraan:

Perihal	Pembaikan Modal	Pembaikan Bukan Modal/ Penyelenggaraan/ Pembaikan Kecil
Pembaikan Tanah	A1431200	-
Pembaikan Bangunan	A1432200	B0228100
Pembaikan Kemudahan & Infrastruktur	A1433200	B0228200
Pembaikan Kenderaan & Jentera	A1434300	B0228300 B0228400
Pembaikan Kelengkapan & Peralatan	-	B0228500 B0228600 B0228700 B0228800 B0228900

*kod terperinci berdasarkan Carta Akaun (COA) iSPEKS adalah seperti di **Lampiran**

Contoh:

i. Perbelanjaan Pembaikan Modal

Jenis Pembaikan	Contoh
Pembaikan Tanah	• Penambakan Tanah (<i>Land Reclamation</i>) • Kerja awalan seperti pembersihan tapak secara kekal
Pembaikan Bangunan	• Kerja-kerja pengubahsuaian termasuk pemasangan <i>wallpaper</i> dan perabot melekat • Kerja menaiktaraf bangunan lama • Pendawaian semula elektrik dan rangkaian talian • Menaiktaraf sistem penghawa dingin (<i>centralised</i>)
Pembaikan Kemudahan & Infrastruktur	• Pembesaran jalan/ menaiktaraf jalan sedia ada. • Naiktaraf sistem saliran • Pembaikan kekal infrastruktur rosak seperti menggantikan struktur asas jambatan yang rosak (bukan sekadar tampalan kecil) • Pemasangan baharu lampu jalan, lampu isyarat dan perabot jalan.

Pembaikan Kenderaan & Jentera	• Menukar enjin baharu • Pemasangan peralatan tambahan tetap seperti GPS <i>Fleet tracking</i> secara kekal • Menukar kabin atau badan utama seperti menggantikan struktur utama lori.
Pembaikan Kelengkapan & Peralatan	• Menaiktaraf komponen komputer seperti menambah RAM dan pemasangan kad grafik baharu untuk prestasi lebih tinggi.

ii) Perbelanjaan Pembaikan Bukan Modal/ Penyelenggaraan/ Pembaikan Kecil


Jenis Pembaikan	Contoh
Pembaikan Tanah	• Kerja-kerja pembersihan tanah secara rutin seperti mesin rumput. • Gali longkang sementara • Menanam rumput bagi menjaga struktur tanah dan mengelakkan runtuh. • Kerja-kerja pembaikan tebing bagi mengelakkan runtuh.
Pembaikan Bangunan	• Struktur Fizikal - baiki retak kecil dinding, tampalan jubin dan lantai rosak, cat semula dinding. • Elektrik - Ganti suis lampu, soket - Baiki pendawaian kecil • Paip dan saliran - Baiki paip bocor, servis tangki air, tukar kepala paip dan pembaikan paip berskala kecil. • Bumbung - Baiki kebocoran kecil bumbung, gantian bumbung tanpa menaik taraf dan pembersihan longkang saluran atap.
Pembaikan Kemudahan & Infrastruktur	• Menampal lubang jalan (<i>pothole patching</i>) • Mengecat jalan, membersih longkang, potong rumput bahu jalan. • Menukar mentol lampu jalan.

Pembaikan Kenderaan & Jentera	• Servis berkala • Mengganti bateri • Tukar tayar • Servis dan baiki pendingin hawa • Pemeriksaan sistem brek – tukar pad brek, laras brek dan minyak brek
Pembaikan Kelengkapan & Peralatan	• Servis berkala penghawa dingin • Format semula komputer • Tukar <i>cable</i> komputer, tetikus, papan kekunci • Baiki pencetak

8. PENGURUSAN DAN PERAKAUNAN ASET

8.1 Harta Modal di bawah kategori Aset Alih

- (a) Harta modal di bawah kategori Aset Alih yang dibeli untuk kegunaan pentadbiran dan operasi Jabatan/PTJ hendaklah diuruskan berdasarkan ketetapan berikut;
- i. Pekeliling Perbendaharaan AM 2.1 – 2.8 yang merangkumi aspek berikut;



ii. MPSAS 17 yang merangkumi aspek berikut;

- 1 Pengiktirafan harta modal
- 2 Perakaunan bagi kos berikutnya (Pembaikan Modal)
- 3 Susut Nilai
- 4 Penjejasan Nilai
- 5 Penilaian Semula
- 6 Penyahiktirafan aset

(b) Harta modal di bawah kategori Aset Alih (tanpa mengira nilai perolehan) yang **diperolehi bagi tujuan disumbangkan kepada pihak ketiga tidak** diperakaunkan berdasarkan ketetapan MPSAS 17 atau Pekeliling Perbendaharaan AM 2.1 – 2.8.

8.2 Harta Modal Di Bawah Kategori Aset Tak Alih


(a) Harta Modal di bawah kategori Aset Tak Alih yang dibeli untuk kegunaan pentadbiran dan operasi jabatan hendaklah perakaunkan berdasarkan ketetapan MPSAS 17 dan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Kedah Darul Aman Bil. 8 Tahun 2021. Proses perakaunan merangkumi perkara berikut;

- 1 Pengiktirafan harta modal
- 2 Perakaunan bagi kos berikutnya
- 3 Susut Nilai
- 4 Penjejasan Nilai
- 5 Penilaian Semula
- 6 Penyahiktirafan Aset

- (b) Harta modal di bawah kategori Aset Tak Alih (tanpa mengira nilai perolehan) yang **diperolehi bagi tujuan disumbangkan kepada pihak ketiga tidak** diperakaunkan berdasarkan ketetapan MPSAS 17 atau Surat Pekeliling Kewangan Negeri Kedah Darul Aman Bil. 8 Tahun 2021.

9. Aset Bernilai Rendah

- 9.1 Aset Bernilai Rendah hendaklah diuruskan berdasarkan ketetapan Pekeliling Perbendaharaan AM 2.1 – 2.8 yang merangkumi aspek berikut;



- 9.2 Aset Bernilai Rendah yang **diperolehi bagi tujuan disumbangkan kepada pihak ketiga tidak** diperakaunkan berdasarkan ketetapan Pekeliling Perbendaharaan AM 2.1 – 2.8.

10. Aset Alih yang dibeli menggunakan Wang Amanah Awam

Aset Alih yang diperoleh melalui dana Wang Amanah Awam hendaklah diuruskan berdasarkan ketetapan Pekeliling Perbendaharaan AM 2.1- AM 2.8 merangkumi aspek berikut:



11. PENGIKTIRAFAN HARTA MODAL

- 11.1 Pengiktirafan aset Harta Modal berlaku semasa penyediaan Pesanan Kerajaan/ Inden Kerja/ Surat Setuju Terima.
- 11.2 Jabatan/PTJ hendaklah memastikan kod akaun yang dipilih adalah kod aset A143XXXX berdasarkan Carta Akaun Sistem iSPEKS dan meletakkan kuantiti yang tepat berdasarkan ukuran unit/ set pelengkap.
- 11.3 Penggunaan kod akaun dan penetapan kuantiti yang tepat adalah sangat penting bagi memastikan akaun diklasifikasikan dengan tepat dan Borang KEW-PA (bagi Aset Alih) dijana berdasarkan kuantiti aset sebenar.

12. PERAKAUNAN BAGI PERBELANJAAN BERIKUTNYA BAGI ASET HARTA MODAL

Bagi perbelanjaan berikutnya yang melibatkan Aset Harta Modal yang telah diiktiraf (diperakaunkan di bawah kod A143XXXX), Jabatan/PTJ hendaklah menentukan perbelanjaan tersebut adalah pembaikan modal atau pembaikan **bukan** modal. Jabatan/PTJ hendaklah memastikan perkara berikut;

- (a) **Pembaikan Modal iaitu pembaikan yang ketara dan penggantian bersifat pembaharuan/ penambahbaikan/ menaiktaraf** yang menyebabkan berlakunya peningkatan nilai faedah ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan atau jangka hayat aset, Jabatan/PTJ hendaklah memperakaunkan perbelanjaan tersebut di bawah kod harta modal (kod A143XXXX).
- (b) **Pembaikan Bukan Modal / Pembaikan Kecil / Penyelenggaraan** perbelanjaan tersebut hendaklah diakaunkan di bawah kod belanja penyelenggaraan kod B0228000.

13. PERBELANJAAN MENAIKTARAF ASET ATAU PERBELANJAAN PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN ASET BERNILAI RENDAH DAN ASET TIDAK DIPERMODALKAN

Semua perbelanjaan berikutnya yang melibatkan Aset Bernilai Rendah dan Aset Tidak Dipermodalkan direkod tanpa mengira jumlah perbelanjaan, direkodkan sebagai belanja penyelenggaraan kod akaun B0228000.

14. ASET PELENGKAP

- 14.1 Aset pelengkap merujuk kepada komponen tambahan atau aksesori yang diperlukan untuk membolehkan aset utama berfungsi secara sempurna.
- 14.2 Aset pelengkap tidak boleh berfungsi secara sendiri dan bergantung kepada aset utama untuk beroperasi sepenuhnya.
- 14.3 Aset pelengkap diperakaunkan bersama-sama aset induk sebagai satu (1) unit/item dimana ianya akan direkodkan sebagai komponen di dalam KEW-PA semasa pendaftaran aset dibuat sekiranya memenuhi syarat/ kriteria berikut;
- (a) komponen digunakan bersama dengan aset induk
 - (b) komponen tidak berfungsi seperti yang dikehendaki sekiranya tanpa aset induk.
 - (c) Memberi manfaat langsung kepada prestasi aset induk.
 - (d) Nilai lebih rendah berbanding aset induk.
- 14.4 Komponen aset boleh dilupuskan secara berasingan daripada aset induk sekiranya berlaku kerosakan.
- 14.5 Sekiranya penggantian komponen dibuat, komponen tersebut hendaklah diperakaunkan secara berasingan berdasarkan sifat perbelanjaan sama ada ianya perbelanjaan aset (kod akaun 35000) atau perbelanjaan penyelenggaraan (kod akaun 28000) mengikut mana yang berkaitan.

Contoh Kategori Aset Pelengkap

Perihal	Aset	Komponen	Pengkelasan
Aset pelengkap	Set sofa dan meja kopi (pecahan harga tidak dapat ditentukan)	Sofa	Aset Induk
		Meja kopi	Aksesori
	Komputer	CPU	Aset Induk
		Monitor	Aksesori
		Keypad	
		Tetikus	

Contoh:

Jabatan B membuat perolehan komputer bagi kegunaan jabatan. Butiran perolehan adalah seperti berikut;

Perbelanjaan	RM
CPU Komputer	3,000.00
Skrin Monitor	1,500.00
Kos penghantaran dan pemasangan	500.00
Jumlah kos perolehan	5,000.00

CAJ LINE & KOD AKUAN					
Kod Akaun	Perihal Barang	Kuantiti	Unit Ukuran	Kategori Pesanan Tempatan	Harga Seunit
A1435201	Komputer & Alat Kelengkapan Prosesan Data Elektronik yang lain	1			5,000.00

15. ASET BUKAN PELENGKAP

- 15.1 Aset bukan pelengkap merujuk kepada aset yang boleh berfungsi secara berasingan tanpa bergantung kepada aset lain.
- 15.2 Aset bukan pelengkap hendaklah direkod secara berasingan.
- 15.3 Komponen aset bukan pelengkap biasanya mempunyai nilai lebih besar antara satu dengan yang lain. Contohnya seperti badan bot dan enjin yang kadangkala enjin mempunyai nilai lebih tinggi berbanding badan bot.

Perihal	Kategori	Butiran	Pengkelasan
Bukan aset pelengkap	Bot & enjin	Bot	Berasingan (Dapat berfungsi dengan sendiri @ diguna bersama aset/ komponen lain.
		Enjin	
	Set sofa & meja kopi (pecahan harga dapat ditentukan)	Set Sofa	
		Meja kopi	
	Set meja dan kerusi <i>banquate</i>	Meja <i>banquate</i>	
		Kerusi <i>banquate</i>	
	Meja dan kerusi di bilik mesyuarat	Meja mesyuarat	
		Kerusi mesyuarat	

Contoh:

Jabatan C membuat perolehan bagi membeli sebuah bot bagi kegunaan jabatan. Butiran perolehan adalah seperti berikut;


Perbelanjaan	RM
Bot Fiber	3,520.00
Enjin Bot	7,590.00
Kos penghantaran	800.00
Jumlah	11,910.00

CAJ LINE & KOD AKUAN					
Kod Akaun	Perihal Barang	Kuantiti	Unit Ukuran	Kategori Pesanan Tempatan	Harga Seunit
A1434106	Kapal & Bot	1			4,320.00
A1434106	Kapal & Bot	1			7,590.00
Jumlah Keseluruhan					11,910.00
• Di pesanan tempatan, kuantiti aset akan diletakkan dua (2) unit semasa proses pengiktirafan dan pendaftaran aset (2 borang KEW.PA diwujudkan). • Bot fiber dan enjin bot adalah aset bukan pelengkap. Enjin kemungkinan digunakan dengan bot fiber yang lain. • Nilai enjin lebih besar dari bot fiber. • Pelupusan akan dibuat secara berasingan • Kos penghantaran adalah merupakan kos langsung. Maka ianya dianggap sebagai kos belian berdasarkan ketetapan MPSAS 17 yang boleh diserapkan di mana-mana komponen aset di atas. • Bagi contoh di atas kos langsung diserap bersama kos bot fiber.					

16. PROSES PENGIKTIRAFAN DAN PENDAFTARAN ASET

Pengiktirafan aset berlaku semasa di peringkat penyediaan dokumen perolehan (Pesanan Kerajaan, Inden, Surat Setuju Terima) manakala proses penerimaan dan pendaftaran aset hendaklah dilaksanakan seperti aliran proses di bawah:

Aset Alih (Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah)



17. PENENTUAN KUANTITI ASET


- 17.1 Penentuan kuantiti aset adalah penting bagi memastikan pendaftaran aset dapat dilaksanakan secara teratur dan memudahkan proses pelupusan.
- 17.2 Penentuan kuantiti aset dibuat berdasarkan set pelengkap atau bukan pelengkap dan bergantung kepada pengukuran unit aset.
- 17.3 Berikut adalah kaedah penentuan kuantiti aset semasa proses penyediaan Pesanan Tempatan/ Inden Kerja;

PENGUKURAN UNIT	CONTOH
Satu (1) unit/ item secara berasingan	• Kerusi <i>Banquet</i>, Mesin Pencetak, Mesin <i>Shredder</i>, Peti Sejuk, Laptop, Kenderaan • Meja, Kerusi Bilik Mesyuarat • Perabot melekat pada bangunan - Bangunan dan perabot melekat diasingkan disebabkan jangka hayat bangunan berbeza dengan jangka hayat perabot melekat. - Bangunan mempunyai jangka hayat lebih panjang berbanding perabot melekat dan kedua-dua aset tersebut akan dilupuskan secara berasingan. • Berdasarkan harga belian seunit - Perolehan bagi penghawa dingin berlainan jenis: ▪ Penghawa dingin 2.5 HP – RM2,800.00 (Harta Modal) ▪ Penghawa dingin 1.5 hp – RM1,300.00 (Aset Bernilai Rendah)
Satu (1) set pelengkap bersama komponen	• Komputer (CPU, Monitor, Papan Kekunci, Tetikus dianggap satu (1) set) • Alat Penghawa Dingin, PA Sistem, CCTV, Set Sofa, Set Meja Makan.
Satu (1) unit aset yang digabungkan sebagai satu item	• Bangunan - Pembinaan bangunan (tapak bangunan, bumbung, dinding, tingkap, pintu, kemasan lantai, laluan berbumbung, <i>awning</i>, <i>centralised aircond</i>, pagar konkrit, parkir berbumbung. (dianggap sebagai satu (1) unit yang sempurna)

18. PENENTUAN NILAI KOS PEROLEHAN

18.1 Kos aset adalah kos perolehan yang melibatkan jumlah yang dibayar oleh Jabatan/ PTJ untuk mendapatkan aset pada masa pembelian atau pada masa aset dibina.


18.2 Komponen kos merangkumi perkara-perkara berikut;



i) Contoh penentuan kos bagi bangunan;



ii) Contoh penentuan kos perolehan bagi aset alih;



18.3 CONTOH PENGKELASAN ASET, PENENTUAN KUANTITI DAN KOS ASET

Contoh 1:

Jabatan A telah melaksanakan perolehan bagi pembelian 1 lot rumah kedai untuk dijadikan pejabat tetap dengan kos perolehan seperti berikut menggunakan peruntukan mengurus jabatan;

KOS	Jumlah (RM)
Harga bangunan	420,000.00
Cukai	33,600.00
Kos guaman	15,200.00
Jumlah Kos	468,800.00

Penjelasan

- Nilai perolehan melebihi RM2,000.00 dan memenuhi kriteria pengiktirafan harta modal di bawah MPSAS 17
- Kos langsung dianggap kos belian aset sepertimana ketetapan MPSAS17
- Kuantiti aset ditetapkan sebagai satu (1) item – kos bangunan yang dapat digunakan secara sempurna bagi tujuan operasi.
- Kod perakaunan adalah seperti berikut;

CAJ LINE & KOD AKAUN					
Kod Akaun	Perihal Barang	Kuantiti	Unit Ukuran	Kategori Pesanan Tempatan	Harga Seunit
A1432102	Bangunan Pejabat	1			468,800.00

Contoh 2:

Jabatan B telah membuat perolehan kerja bagi mengubahsuaikan pejabat yang baru dibeli bagi tujuan memulakan operasi di bangunan tersebut menggunakan peruntukan pembangunan jabatan. Berikut adalah perincian perolehan;

Perincian Perbelanjaan	Jumlah (RM)
Kerja pengubahsuaian ruangan kerja	67,556.00
Pendawaian Rangkaian Internet	
Pantry & Bilik Pegawai	
Kabinet Dinding	32,000.00
Sistem Penghawa Dingin:	
3 unit <i>Split Aircond</i> 2HP @ RM2,800.00 seunit	8,400.00
2 unit <i>Split Aircond</i> 1.5HP @ RM1,800.00 seunit	3,600.00
3 unit <i>Aircond Cassette</i> @ RM5,700.00 seunit	17,100.00
Perabot:	
Bilik mesyuarat	
1 set meja & kerusi bilik mesyuarat @ RM14,900.00 seunit	14,900.00
Bilik pegawai	
1 unit meja pengarah @ RM3,800.00 seunit	3,800.00
1 unit meja bilik pegawai @ RM1,900.00 seunit	1,900.00
1 unit kerusi @ RM1,100.00 seunit	1,100.00
1 unit kerusi @ RM870.00 seunit	870.00
2 unit <i>drawer</i> @ RM635.00 seunit	1,270.00
<i>Partition - 6 work station</i> @ RM2,800.00 seunit	16,800.00
6 unit <i>drawer</i> @ RM385.00 seunit	2,310.00
6 unit kerusi kerja @ RM475.00 seunit	2,850.00
Kerja-kerja awalan	4,434.00
JUMLAH	178,890.00

Penjelasan

- Perolehan berjumlah RM178,890.00 adalah merupakan kerja pengubahsuaian (menaiktaraf aset). Oleh itu ianya diklasifikasikan sebagai perbelanjaan modal.
- Kos awal merupakan kos langsung. Ianya dianggap sebagai kos pengubahsuaian bangunan pejabat dan dipermodalkan berdasarkan ketetapan MPSAS 17
- Kos pengubahsuaian bangunan dan aset melekat diasingkan kerana mempunyai jangka hayat / usia guna yang berbeza dan kos dapat ditentukan.
- Kuantiti aset ditetapkan berdasarkan pengukuran seperti di Perkara 15.
- Kod perakaunan adalah seperti berikut dan penentuan kuantiti adalah seperti berikut;

CAJ LINE & KOD AKAUN					
Kod Akaun	Perihal Barang	Kuantiti	Unit Ukuran	Harga Seunit	Jumlah
A1432202	Naik taraf bangunan	1		67,556.00	
	Kerja awalan			4,434.00	71,990.00
A1432202	Kabinet dinding	1		32,000.00	32,000.00
A1435101	Partition	6	unit	2,800.00	16,800.00
A1435301	Aircond 2.0HP	3	unit	2,800.00	8,400.00
B0335301	Aircond 1.5HP	2	unit	1,800.00	3,600.00
A1435301	Aircond Casette	3	unit	5,700.00	17,100.00
A1435101	Set meja kerusi mesyuarat	1	set	14,900.00	14,900.00
A1435101	Meja pengarah	1	unit	3,800.00	3,800.00
B0335101	Meja bilik pegawai	1	unit	1,900.00	1,900.00
B0335101	kerusi	1	unit	1,100.00	1,100.00
B0335101	Kerusi	1	unit	870.00	870.00
B0335101	drawer	2	unit	635.00	1,270.00
B0335101	drawer	6	unit	385.00	2,310.00
B0335101	Kerusi kerja	6	unit	475.00	2,850.00
Jumlah Keseluruhan					178,890.00

19. Pembinaan Bangunan Pejabat (Bayaran Interim)

Pembinaan bangunan yang melibatkan **bayaran interim**, aset pada mulanya hendaklah diperakaunkan di bawah kod **Aset Dalam Pembinaan: A2032102**. Perbelanjaan akan diselaraskan ke kod perbelanjaan muktamad seperti di jadual di bawah sebaik sahaja *Certificate of Practical Completion* (CPC) diperolehi.

Contoh:

JKR Kedah telah melaksanakan projek membina bangunan pejabat Jabatan. Bayaran bagi interim pertama adalah seperti berikut;

Perbelanjaan	Jumlah (RM)
Kos penyediaan tapak, kos membersihkan tapak, kos merobohkan bangunan lama dan lain-lain kos langsung yang terlibat	38,000.00
Kos binaan bangunan (hiasan dalaman yang melekat seperti karpet, 'wallpaper' bagi membolehkan bangunan digunakan secara sempurna)	95,000.00
Kerja-kerja mekanikal	11,400.00
Kerja-kerja elektrik	13,300.00
Jumlah Keseluruhan	157,700.00

Penjelasan

- Projek membina bangunan adalah merupakan perbelanjaan modal dan perlu diperakaunkan selaras dengan perakaunan harta modal di bawah MPSAS 17
- Pembinaan bangunan yang melibatkan **bayaran interim**, aset pada mulanya hendaklah diperakaunkan di bawah kod **Aset Dalam Pembinaan: A2032102**. Perbelanjaan akan diselaraskan ke kod perbelanjaan muktamad seperti di jadual dibawah sebaik sahaja *Certificate of Practical Completion* (CPC) diperolehi.
- Kod perakaunan adalah seperti berikut;

CAJ LINE & KOD AKAUN					
Kod Akaun	Perihal Barang	Kuantiti	Unit Ukuran	Kategori Pesanan Tempatan	Harga Seunit
A2032102	Binaan bangunan baru	1			157,700.00

20. USIA GUNA ASET

- 20.1 Usia guna merujuk kepada tempoh atau jangka hayat sesuatu aset dijangka digunakan sebelum ianya menjadi tidak ekonomik untuk digunakan. Tempoh usia guna bagi aset Kerajaan Negeri Kedah adalah seperti di Lampiran.
- 20.2 Bagi aset yang dibeli **sebelum tahun 2017 iaitu sebelum pelaksanaan Sistem iSPEKS** dan telah digunakan untuk tempoh beberapa tahun sebelum migrasi data dilaksanakan, baki jangka hayat adalah merupakan usia guna aset yang digunakan untuk tujuan pengiraan susut nilai.

Contoh:

Jabatan Mufti Negeri Kedah membeli sebuah kenderaan Toyota Camry pada tahun 2015 sebelum pelaksanaan Sistem iSPEKS. Kenderaan tersebut telah digunakan selama dua (2) tahun sebelum proses migrasi data dilakukan. Pengiraan usia guna aset bagi kenderaan tersebut adalah seperti berikut;

Perihal	Tempoh
Tempoh Usia Guna bagi kenderaan berdasarkan polisi Kerajaan Negeri	15 tahun
Tempoh aset digunakan sebelum pelaksanaan sistem iSPEKS/ migrasi data	2 tahun
Baki usia guna bagi tujuan pengiraan susut nilai	13 tahun

- 20.3 Aset harta modal berkemungkinan digunakan melebihi tempoh jangka hayat yang ditetapkan oleh polisi. Ini disebabkan keadaan aset yang masih baik dan masih boleh digunakan. Dalam keadaan ini tiada usia guna tambahan yang akan diberikan untuk tujuan pengiraan susut nilai tambahan sepanjang tempoh aset digunakan oleh Jabatan/ PTJ kerana aset tersebut hanya mempunyai nilai nominal RM1 berdasarkan polisi yang berkuatkuasa.
- 20.4 Bagi pembaikan modal, susut nilai akan dikira secara berasingan bermula dari tarikh aset diiktiraf di dalam penyata kewangan. Pengiraan susut nilai adalah berdasarkan perkara 21. Seperti contoh pengubahsuaian pejabat, pengiraan susut nilai akan dikira secara berasingan dari kos asal bangunan.

21. SUSUT NILAI

- 21.1 Susut nilai merupakan pengurangan/ kejatuhan nilai aset **Harta Modal** (kecuali Tanah) pada setiap tahun sepanjang tempoh usia guna.
- 21.2 Sebab susut nilai adalah seperti berikut;
- (a) Kemerosotan fizikal – pengusiaan, haus, lusuh, reput, rosak
 - (b) Keusangan – perubahan teknologi atau ketinggalan zaman
 - (c) Peredaran masa – usia atau tempoh telah ditetapkan oleh undang-undang (pajakan tanah)
 - (d) Susutan – daya pengeluaran sumber berkurangan
- 21.3 Susut nilai dilaksanakan secara automatik di Modul Aset Sistem iSPEKS pada setiap hujung bulan semasa proses penutupan akaun bulanan dilaksanakan.
- 21.4 Pengiraan susut nilai hanya akan dibuat ke atas aset yang selesai didaftarkan di modul Aset (AIM) Sistem iSPEKS. Jabatan/PTJ hendaklah menyemak ketepatan pengiraan susut nilai pada setiap bulan.
- 21.5 Jabatan/PTJ hendaklah memastikan aset didaftarkan dengan segera iaitu dalam dua (2) minggu dari tarikh aset diterima. Ini bagi memastikan pengiraan susut nilai aset harta modal dapat dilaksanakan secara teratur mengikut pekeliling dan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.
- 21.6 Bagi Aset Dalam Pembinaan pengiraan susut nilai hanya akan dilaksanakan selepas pelarasan ke akaun muktamad dilaksanakan. Bagi memastikan pengiraan susut nilai secara teratur Jabatan/PTJ hendaklah melaksanakan pelarasan bagi Aset Dalam Pembinaan secara teratur dengan kadar segera selepas projek disiapkan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah.
- 21.7 Aset Bernilai Rendah / Aset Tidak Dimodalkan **tiada susut nilai akan** dikenakan ke atas aset-aset tersebut kerana ianya telah direkodkan sebagai perbelanjaan semasa tahun ianya dibeli.
- 21.8 Kaedah susut nilai yang digunakan oleh Kerajaan Negeri adalah kaedah garis lurus dan dikira secara bulanan.

21.9 Formula pengiraan susut nilai adalah seperti berikut;

$$\text{Susut Nilai} = \frac{\text{Kos Pembelian} - \text{Nilai Sisa}}{\text{Usia guna}}$$

Nilai sisa = RM1.00

* Nilai RM1.00 merupakan polisi semasa yang ditetapkan bagi semua aset Kerajaan

Contoh pengiraan susut nilai;

Jabatan A membeli kelengkapan pejabat dengan kos belian sebanyak RM5,000.00 seunit pada 14 Februari 2025. Berdasarkan polisi semasa kelengkapan pejabat tersebut dijangka digunakan selama 10 tahun.

Pengiraan susut Nilai adalah seperti berikut;

$$\frac{\text{RM5,000.00} - \text{RM1.00}}{10 \text{ tahun}}$$

Jumlah susut nilai setahun = RM499.90

Pengiraan Susut Nilai bagi tempoh 1 bulan = RM499.90 / 12 bulan
= **RM41.66**

Bulan	Susut Nilai Tahunan (RM)	Susut Nilai Terkumpul (RM)	Nilai Bawaan Aset (RM)
Kos : RM5,000.00		$\frac{5,000.00 - 1.00}{10 \text{ tahun}} \times 1/12$	
Bulan 1	41.66	41.66	4,958.34
Bulan 2	41.66	83.32	4,916.68
Bulan 3	41.66	124.98	4,875.02
Bulan 4	41.66	166.64	4,833.36
Bulan 5	41.66	208.30	4,791.70
Bulan 6	41.66	249.96	4,750.04
Bulan 7	41.66	291.62	4,708.38
Bulan 8	41.66	333.28	4,666.72
Bulan 9	41.66	374.94	4,625.06
Bulan 10	41.66	416.60	4,583.40
Bulan 11	41.66	458.26	4,541.74
Bulan 12	41.66	499.92	4,500.08

- o jumlah susut nilai bulanan akan direkodkan sebagai perbelanjaan Jabatan/PTJ manakala nilai bawaan aset (kos – susut nilai terkumpul) akan dilaporkan sebagai aset yang dipegang oleh Jabatan/PTJ

- 21.10 Bagi aset yang dibeli **sebelum tahun 2017 iaitu sebelum pelaksanaan Sistem iSPEKS** dan telah digunakan untuk tempoh beberapa tahun sebelum migrasi data dilaksanakan. Kos aset dikira berdasarkan kos penilaian semasa. Susut nilai dikira berdasarkan anggaran baki usia guna kenderaan tersebut berdasarkan formula seperti di perenggan 21.9.

Contoh:

Jabatan Mufti Negeri Kedah membeli sebuah kenderaan Toyota Camry pada tahun 2015 iaitu sebelum pelaksanaan Sistem iSPEKS. Penilaian ke atas kenderaan tersebut dibuat pada tahun 2017 dan mendapati nilai ke atas kenderaan tersebut adalah RM74,716.32 dan jabatan menganggarkan kenderaan tersebut akan digunakan selama 13 tahun. Pengiraan susut nilai adalah seperti berikut;

Pengiraan susut Nilai adalah seperti berikut;

